

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih untuk makluman dan rujukan.

| | | |
|----|-----------------------|---|
| 1. | TAJUK | PENGURUSAN SUNGAI MAMPAN JAMIN PENGEKALAN EKOSISTEM KARBON BIRU |
| | SUMBER | BERITA HARIAN |
| | BIDANG PERKARA/SUBJEK | ALAM SEKITAR |
| | MUKA SURAT/RUANGAN | 11 (KOMENTAR) |

Pengurusan sungai mampan jamin pengekalan ekosistem karbon biru



Oleh Dr Faizuan Abdullah
bhrencana@bh.com.my

Laporan *BH* yang menyorot tragedi pencemaran Sungai Kim-Kim menjadi peringatan bahawa kita perlu memastikan tidak berulang lagi. Ini kerana selain kesan kepada mangsa dan kawasan berkenaan, aktiviti ekonomi berasaskan perikanan sejauh muara dan pesisir pantai sekitar Pasir Gudang turut terjejas.

Keterjaminan kebersihan muara habitat pelbagai jenis hidupan laut menjadi sumber protein rakyat, bermula dari pengurusan secara mampan sungai mengalir ke arahnya. Pengurusan sungai mampan perlu diperkasa, termasuk menjamin pengekalan ekosistem karbon biru bagi manfaat komuniti sekitar muara sungai dan pesisir pantai.

Karbon biru bermaksud karbon diserap dan tersimpan dalam ekosistemnya. Karbon terhasil terutama daripada aktiviti perindustrian menyumbang perubahan iklim.

Istilah biru digunakan kerana karbon disimpan di bawah air turut dilindungi padang rumput laut dan pokok paya bakau, sekali gus menjadikan ekosistem semula jadi ini penampungan baik menyerap karbon.

Manfaat lain ekosistem karbon biru adalah dapat mengekalkan kualiti air baik dan mengelakkan hakisan pantai akibat kenaikan paras air laut, selain menggiatkan lagi aktiviti perikanan.

Ini kerana zon pesisir pantai paling produktif dan rentan untuk aktiviti perikanan akuakultur. Berdasarkan laporan Organisasi Makanan dan Pertanian (FAO), permintaan untuk ikan di negara ini antara tertinggi di dunia dengan penggunaan 59 kilogram perkapita pada 2016.

Jabatan Perikanan juga melaporkan sektor akuakultur negara pada 2020 merangkumi penghasilan

391,000 tan setahun bagi hasil peliharaan, sekali gus membawa nilai ekonomi diunjur melebihi AS\$700 juta (RM3.3 bilion). Daripada hasil itu, akuakultur pesisir pantai menyumbang 66 peratus hingga 69 peratus jumlah besar pengeluaran perikanan.

Konflik aktiviti akuakultur, pembangunan

Namun, terdapat konflik antara aktiviti akuakultur dengan kegiatan ekonomi seperti pembangunan, pelabuhan laut dan pertanian. Pembangunan berdekatan pesisir laut secara langsung akan menjadi ancaman kepada kehidupan laut dan kualiti air kerana peningkatan input antropogenik dari daratan ke laut bersama bahan pencemar.

Perubahan penggunaan tanah untuk aktiviti pembangunan dan industri di pesisir pantai akan meningkatkan kandungan bahan pencemar nutrien seperti fosfat, nitrat serta logam berat seperti plumbum, arsenik, kadmium, kromium dan merkuri di dalam air.

Melalui aktiviti semula jadi ekosistem, nutrien dan logam berat daripada enapan akan dipindahkan melalui saluran, seterusnya berkemungkinan

akan terkumpul dalam spesies laut melalui rantaian makanan.

Nutrien dan enapan dialirkan terus dari saliran juga akan menyebabkan fenomena eutrofikasi. Ia bermakna pengkayaan nutrien meningkatkan penghasilan fitoplankton atau plankton tumbuhan yang akan mengurangkan kandungan oksigen dalam badan air melalui proses penguraian. Paras oksigen larut adalah parameter terpenting menunjukkan keseluruhan keadaan kualiti air.

Kegiatan pertanian intensif, peningkatan populasi dan penggunaan tanah turut menjadi penyumbang utama terhadap peningkatan nutrien dipindahkan ke sumber air. Kegiatan antropogenik juga menghasilkan sejumlah besar sedimen dipindahkan ke aliran sungai.

Berdasarkan piawai Jabatan Alam Sekitar (JAS), kualiti air di zon pesisir pantai untuk aktiviti akuakultur harus berada di Kelas 2. Oleh itu, aktiviti pembangunan dan industri menyumbang kesan langsung terhadap sifat semula jadi kawasan pesisir pantai dan aktiviti pertanian akuakultur perlu dikawal.

Dalam konteks ini, pembangunan tanpa penilaian kesan persekitaran tepat akan mengakibatkan peningkatan kandungan bahan berbahaya dan mempengaruhi pertumbuhan hidupan air semula jadi. Justeru, pengurusan sungai secara mampan sangat penting dalam memastikan pengekalan ekosistem karbon biru di negara kita terjamin.

Secara alamiah, sifat sungai sentiasa mengalir, jika kualiti air elok di hulu sungai dan lembangan sungai, maka hasil sama juga di muaranya. Dengan itu, pengurusan sungai holistik memerlukan kerjasama semua pemegang taruh.

Justeru, sungai dan pesisir pantai perlu dilestarikan kerana ia rumah bagi bakau, taman asuhan untuk fauna laut dan sumber pendapatan utama komuniti nelayan, sekali gus menyelamatkan ekosistem karbon biru.



| | | |
|----|-----------------------|--|
| 2. | TAJUK | TAK PERLU RAGU-RAGU ISI DATA DALAM SISTEM PADU |
| | SUMBER | SINAR HARIAN ONLINE |
| | BIDANG PERKARA/SUBJEK | INFO SEMASA |
| | MUKA SURAT/RUANGAN | LIDAH PENGARANG |
| | PENGARANG | |

Tak perlu ragu-ragu isi data dalam sistem PADU

Oleh LIDAH PENGARANG 08 Januari 2024 07:00am

SISTEM Pangkalan Data Utama (PADU) yang dilancarkan pada minggu lalu merupakan salah satu usaha kerajaan dalam memastikan tadbir urus awam yang lebih baik di negara ini.

PADU ialah pangkalan data sosioekonomi negara yang bersepadu, mengandungi profil individu dan isi rumah yang memberikan gambaran seadil-adilnya mengenai kedudukan ekonomi rakyat Malaysia.

Pendaftaran dibuka kepada orang ramai bermula 2 Januari hingga 31 Mac. Pengguna perlu mengemas kini serta mengesahkan 30 butiran peribadi termasuk nombor kad pengenalan, bilangan isi rumah dan alamat kediaman.

Namun, satu perkara yang perlu diketahui ialah akan ada sesetengah kumpulan rakyat yang mungkin kehilangan kelayakan menerima bantuan kerajaan.

Bermaksud situasi itu boleh berlaku sejourus mengisi data yang lebih lengkap dan kemudiannya dijana melalui sistem PADU.

Sebagai contoh, ada individu yang tinggal di luar bandar, tetapi menerima bantuan pada kadar yang sama dengan orang yang tinggal di bandar. Selepas ini mungkin nilai bantuan mereka akan berkurangan.

Golongan ini mungkin akan merungut, tetapi sebenarnya mereka sudah menerima lebih daripada yang diperlukan atau mungkin tidak layak menerima lagi bantuan kerajaan.

Perlu dijelaskan, PADU bukanlah sistem untuk kerajaan memberi bantuan tunai kepada rakyat, sebaliknya merupakan sistem untuk mengenalpasti golongan bersasar untuk diberikan bantuan dan subsidi.

Bagaimanapun, kerajaan perlu sentiasa melakukan audit berkala untuk mengenal pasti kelemahan dalam sistem tersebut.

Langkah ini akan membolehkan sebarang isu ditangani segera, serta memastikan perisian, sistem operasi dan aplikasi sentiasa dikemas kini.

Lebih-lebih lagi tinjauan di serata negara mendapati masih ramai rakyat Malaysia yang tidak jelas dengan sistem PADU ini terutama di kawasan luar bandar.

Justeru, semua pihak perlu memberi masa agar sistem PADU dapat beroperasi sebaiknya. Lagipun buat masa ini baru masuk fasa pertama iaitu orang ramai mengisi butiran peribadi.

Tidak usahlah kita ragu-ragu untuk mengisi data peribadi kerana lebih ramai yang mengisi butiran mereka, lebih banyak data dapat dikumpulkan dalam sistem PADU supaya kerajaan dapat maklumat lebih tepat.

| | | |
|----|-----------------------|--|
| 3. | TAJUK | LIMA SUNGAI DI JOHOR LEPASI PARAS BAHAYA, BANJIR BAKAL BERTAMBAH BURUK |
| | SUMBER | BERITA HARIAN ONLINE |
| | BIDANG PERKARA/SUBJEK | INFO SEMASA |
| | MUKA SURAT/RUANGAN | |
| | PENGARANG | MOHAMED FARID NOH |

Lima sungai di Johor lepassi paras bahaya, banjir bakal bertambah buruk

Oleh [Mohamed Farid Noh](#) - Januari 8, 2024 @ 8:38am
farid_noh@bh.com.my

JOHOR BAHRU: Situasi banjir di Johor akan menjadi bertambah buruk berikutan enam sungai dengan empat daripadanya di Kota Tinggi melepasi paras bahaya pagi ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Tan Sri Dr Azmi Rohani, berkata sungai yang turut melepasi paras bahaya ialah satu masing-masing di Kluang dan Kulai.

Beliau yang juga Setiausaha Kerajaan Negeri Johor berkata, ia membabitkan Sungai Johor di bandar Kota Tinggi yang naik mendadak melepasi paras bahaya ke 3.40 meter berbanding paras 2.60 meter, Sungai Kepala Orang di Kampung Sri Jaya, Kota Tinggi, melepasi paras bahaya 8.76 meter dan Sungai Linggiu juga melepasi paras bahaya 31.40 meter.

"Sungai Kahang di Kampung Contoh, Kluang turut melepasi paras bahaya 15.90 meter manakala Sungai Siam di Kampung Siam, Kulai merekodkan paras bahaya 20.95 meter," katanya dalam kenyataan, pagi ini.

Dalam pada itu, Azmi berkata, dua sungai di Johor turut mencatatkan paras amaran manakala sembilan lagi berada pada paras waspada.

Dua sungai berada paras amaran membabitkan Sungai Lenik di Ladang Chaah, Batu Pahat yang merekodkan paras 5.75 meter manakala Sungai Siku di Kampung Murni Jaya, Kulai merekodkan paras amaran 17.86 meter.

"Sembilan sungai yang merekodkan paras waspada ialah Sungai Skudai, di Kampung Pasir (0.08 meter); Sungai Tiram di Kampung Dagang (2.90 meter); Sungai Ayer Hitam di Kampung Mawai (3.38 meter) dan Sungai Paya Dato' (1.21 meter).

"Selain itu, Sungai Ayer Hitam di Pontian (4.75 meter) dan Sungai Sembrong di Batu Pahat (3.01 meter) turut mencatat paras amaran.

"Tiga sungai di Segamat turut mencatat paras amaran membabitkan Sungai Muar di Kampung Awat (19.33 meter); Sungai Muar di Buloh Kasap (8.11 meter) dan Sungai Segamat (36.55 meter)," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EIMAS di emel berikut:

1. Mazleen Bt Othman (mazleen@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EIMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**